

07 SEP 2000

MAHATHIR-MOTOROLA

MALAYSIA BOLEH BERKERJASAMA DENGAN MOTOROLA, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan berpendapat ia boleh bekerjasama dengan Motorola Inc. agar aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh syarikat pengeluar cip terkemuka dunia itu di Amerika Syarikat dapat dilaksanakan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata jika menjadi kenyataan, usaha itu boleh mendorong kepada peningkatan jumlah pelaburan Motorola di negara ini.

Potensinya cerah memandangkan ramai rakyat Malaysia yang bekerja dengan syarikat itu, katanya kepada soalan pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini setibanya daripada lawatan kerja ke Amerika Syarikat.

"Dari segi bilangan pekerja Motorola dari Malaysia, kita adalah nombor dua (terbesar) selepas (bilangan pekerja dari) China", katanya.

Bagaimanapun, jika dikira dari segi peratusan pekerja berbanding populasi sesebuah negara, jumlah pekerja Malaysia di Motorola adalah yang terbesar.

Dr Mahathir berkata Malaysia sendiri dapat menandingi Amerika Syarikat dari segi peratusan bilangan pekerja Motorola berbanding populasi.

Ditanya mengenai kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang boleh dilaksanakan di Malaysia, Perdana Menteri berkata Malaysia mempunyai banyak pilihan.

"Ini termasuk penyelidikan dalam bidang bio-chip iaitu kajian mengenai hubungan cip dengan DNA iaitu bagaimana kita boleh menggunakan cip untuk mengesan dan mengelak penyakit," tambahnya.

Beliau berkata bidang lain termasuk teknologi baru Motorola dalam pengeluaran "walkie-talkie" yang menggabungkan fungsi "walkie-talkie", telefon dan radio dalam satu alat. -- BERNAMA

RIZ MFJ